



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**PERHIMPUNAN BULANAN KPWK
BILANGAN 9 TAHUN 2025**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN PERDANA NUR | 23 SEPTEMBER 2025 (SELASA) |
3.00 PETANG**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamua'laikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Kekeluargaan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan dibekalkan secara berasingan)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah bersama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-NyA, kita dapat sama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KPKWM Bilangan 9 Tahun 2025.
2. Perhimpunan bulanan kali ini bukan sahaja sebagai platform strategik untuk berkongsi maklumat terkini dan menjadi wadah penyatuan warga KPWKM, malah turut mengambil semangat Hari Malaysia yang kita raikan pada 16 September setiap tahun.
3. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) selaku agensi yang menjadi penganjur perhimpunan bulanan kita pada petang ini.
4. Tema perhimpunan bulanan ini iaitu “Wanita, Keluarga dan Masyarakat: Nadi Perpaduan Malaysia MADANI” mencerminkan tunjang perpaduan yang menjadi asas kukuh dalam menjamin keharmonian dan kestabilan dalam negara.

5. Perpaduan dan kebersamaan warga KPWKM dengan mengangkat nilai-nilai Malaysia MADANI diharap dapat menyemai rasa tanggungjawab bersama dalam menjayakan misi kementerian memperkasakan golongan wanita, memperkukuh institusi keluarga dan membela kebajikan masyarakat.

PENCAPAIAN KPWKM (BULAN SEPTEMBER 2025)

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Meneruskan aspirasi kementerian dalam menjadi peneraju pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat, YB Menteri KPWKM telah mempengerusikan **Sesi Libat Urus Inisiatif Belanjawan 2026** pada 8 September 2025.

7. Cadangan dan input bernas yang diterima daripada semua pihak penting bagi memastikan Belanjawan 2026 dapat dirancang secara lebih inklusif, adil dan berkesan.

8. Pada 9 dan 10 September 2025, KPWKM telah menjadi tuan rumah kepada **2025 ASEAN Women, Peace and Security (WPS) Summit**. Bersempena dengan persidangan ini, kita telah melakar sejarah dengan pelancaran **Pelan Tindakan Kebangsaan Wanita, Keamanan dan Keselamatan 2025 - 2030 (NAP WPS 2025 - 2030)**.

9. NAP WPS 2025 - 2030 menyediakan hala tuju yang jelas untuk melindungi, memperkasa dan memperkukuh kepimpinan wanita dalam bidang keamanan dan keselamatan.

10. Penglibatan aktif Malaysia di peringkat dunia khususnya berkaitan Agenda WPS telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menerusi Anugerah Pencapaian Terbaik bagi Penglibatan Anggota Pengaman Wanita dalam misi pengaman PBB bersempena UN Peacekeeping Ministerial 2025 di Berlin, Jerman.

11. Seajar dengan Dasar Kanak-Kanak Negara yang turut menekankan aspek literasi digital, keselamatan siber dan perlindungan daripada eksploitasi di alam maya,

12. KPWKM menyambut baik inisiatif yang diperkenalkan oleh Astro menerusi **Majlis Perasmian Program Astro Home of Kids** pada 12 September 2025. Program ini menyediakan kandungan mesra kanak-kanak secara digital dengan menggabungkan elemen pendidikan, inspirasi dan keselamatan dalam satu platform.

13. Saya sendiri telah menyempurnakan **Majlis Perasmian Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak** di Pokok Sena Kedah pada 13 September yang lalu.

14. Usaha ini menyokong inisiatif kerajaan dalam mencegah penderaan fizikal, emosi, seksual, pengabaian, eksploitasi atau sebarang bentuk penganiayaan sejajar dengan Akta Kanak-Kanak 2001.

Para hadirin sekalian,

15. Kementerian telah diberi penghormatan untuk merasmikan **2nd Asia Oceania Society of Paediatric and Adolescent Gynaecology (AOSPAG) Congress** pada 12 September 2025.

16. Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan para profesional perubatan untuk membina sistem perlindungan yang lebih kukuh.

17. Pada masa yang sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menerima **kunjungan delegasi** daripada Gabungan Perlindungan Sosial untuk Semua (SP4ALL) dari Cambodia dan Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Univerisiti Malaya yang bertujuan mewujudkan kerjasama dan berkongsi maklumat.

18. Tidak ketinggalan, Institut Sosial Malaysia (ISM) telah menerima kunjungan hormat dan **Lawatan Kerja daripada Delegasi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (MCYS) Negara Brunei Darussalam** sempena **Sidang Kemuncak 2025 ASEAN Women, Peace and Security (WPS) Summit.**

19. Kunjungan ini bertujuan memperkukuh kerjasama dua hala antara Malaysia dan Brunei Darussalam dan memahami peranan ISM sebagai institut latihan dan penyelidikan pembangunan sosial.

Hadirin yang dihormati sekalian

20. Melihat kepada peningkatan kes jenayah dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), pada tahun 2025 keahlian Skwad Waja dalam kalangan siswa di IPT diperluaskan bagi menyantuni golongan belia dan memberi kesedaran serta pengetahuan berkaitan jenayah yang sering berlaku terutamanya kepada wanita yang dikenali sebagai **Skuad Waja Siswa.**

21. Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menganjurkan **Program Skuad Waja Siswa Wilayah Persekutuan Tahun 2025** yang julung kalinya diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 18 September 2025.

22. Di samping itu, **Program Wanita Dinamik@KPWKM** yang dianjurkan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah berjaya menghimpunkan peserta wanita dari negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

23. Program ini memberi dorongan dan semangat kepada peserta supaya terus memperkasa diri serta meningkatkan taraf hidup melalui pelbagai pengisian, bantuan geran dan inisiatif yang ditawarkan.

24. Kementerian ini telah menghantar wakil ke **2025 Asia-Pacific Care Learning Week and Forum anjuran UN Women dan UNICEF** yang berlangsung pada 2 hingga 5 September di Kathmandu, Nepal.

25. Objektif utama program ini adalah untuk memantapkan pelaksanaan ekonomi penjagaan di peringkat Asia Pasific dan memberikan latihan kepada pegawai yang bertanggungjawab dalam perkara ini.

26. Bulan ini juga menyaksikan agensi-agensi di bawah KPWKM turut aktif melaksanakan pelbagai program dan inisiatif, antaranya:

- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menganjurkan **Program Advokasi PEKERTI dan Sentuhan Kasih: Khatan Perdana** di Kuching Sarawak pada 13 September yang menjadi platform mendidik anak lelaki melalui Modul Cakna Diri Lelaki (*SRH for Boys*).
- **Program Jelajah Kasih Komuniti** telah dilaksanakan di daerah Pokok Sena, Kedah yang bertujuan memperkukuh hubungan antara kementerian bersama kumpulan sasar dan menyampaikan sumbangan kepada penerima bantuan JKM.
- YKN terus menyantuni masyarakat pedalaman melalui **Program Khidmat Komuniti YKN-PIBB 3.0 Tahun 2025** bermula di Kampung Orang Asli di zon utara dan akan diteruskan ke beberapa perkampungan Orang Asli lain termasuk di Jerantut, Hulu Langat dan Jelevu.

- **JPW** telah melaksanakan **Program Kasih Ibu Tunggal (KasihniTa) Fasa 2 Zon Sabah 2025** memberi pendedahan dalam pengurusan kewangan, psikologi untuk mengembangkan potensi diri, masalah tuntutan dan kes mahkamah serta khidmat nasihat daripada peguam-peguam pakar.
- Pada 17 September 2025, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, telah menyempurnakan Program Gema Maulid Nabi yang berlangsung di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi anjuran JKM.
- Saya juga melahirkan rasa bangga atas kejayaan PUSPANITA KPWKM sebagai Juara Pertandingan Seni Persembahan Lagu Tradisional Negeri anjuran PUSPANITA Kebangsaan di PUSPANITAPURI pada 10 September 2025.
- Kita juga turut berbangga atas kejayaan Encik Richard Chai yang telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan dan Johan Kategori Bukan Melayu bagi Pertandingan Akhir Pidato Rukun Negara Peringkat Kebangsaan 2025 Piala Pusingan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka.

PENUTUP

27. Warga KPWK M yang saya kasihi, peranan dan sumbangan KPWK M dalam agenda pembangunan wanita, keluarga, masyarakat dan negara terus menjadi perhatian segenap peringkat. Justeru, saya menyeru setiap daripada kita memainkan peranan dengan menunjukkan contoh teladan terbaik, saling bekerjasama tanpa mengira perbezaan serta mengamalkan nilai sebagai sebuah “Keluarga Besar KPWK M” yang mampu memberi inspirasi kepada masyarakat.

28. Setiap pencapaian yang saya kongsikan hari ini membuktikan bahawa kerja kita di KPWK M membawa impak besar kepada rakyat. Setiap usaha, sekecil apa pun, menjadi harapan besar bagi mereka yang kita bantu.

Sekian, wabillahit taufiq walhidayah

Wassalamua’laikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

23 September 2025